

10/03/2003

NGO sepakat tangani kes keganasan rumah tangga

Azrina Ahzan

ISU keganasan terhadap wanita dan kesedaran wanita terhadap hak mereka masih menjadi isu yang diperjuangkan dalam sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat kebangsaan yang diadakan di Tebingan Kuching, Kuching, kelmarin.

Ini berdasarkan pemilihan tema `Berilmu, Bersuara, Bertindak' dengan penekanan diberikan kepada usaha menghentikan keganasan terhadap wanita.

Sehubungan itu, pelbagai kegiatan diadakan selaras dengan tema itu seperti klinik bantuan guaman, bengkel keganasan seksual, kempen tandatangan untuk meminda undang-undang mengenai rogol dan kaunter maklumat pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Persatuan Bertindak Wanita (Awam) dan Persatuan

Wanita untuk Wanita Sarawak (SWWS).

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, ketika berucap pada majlis sambutan itu berkata, generasi muda perlu disedarkan dengan hak wanita dan masalah yang sedang mereka hadapi.

Ini kerana, katanya, wanita berfungsi penting dalam pembangunan negara.

Oleh itu, usaha yang dijalankan oleh pelbagai NGO adalah selaras dengan hasrat kementeriannya untuk memastikan nasib wanita di negara ini dapat terus dipelihara.

Selain itu, sempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia tahun ini, WAO akan menumpukan kes keganasan rumah tangga selaras dengan pendiriannya iaitu tiada sesiapa yang patut didera.

Pengarah Eksekutif WAO, Ivy Josiah, berkata masalah yang dihadapi oleh wanita di Sarawak adalah sama seperti yang dialami oleh wanita di Semenanjung seperti penderaan dan penafian terhadap hak mereka.

"Walaupun tempoh kami (WAO) di Kuching adalah singkat, tetapi dalam tempoh itu pelbagai maklumat sudah kami terima mengenai masalah yang dihadapi wanita di negeri ini.

"Antaranya keganasan rumah tangga dan penderaan yang dilakukan terhadap wanita oleh suami atau teman lelaki mereka.

"Oleh itu, saya rasa masalah yang dihadapi oleh kaum wanita adalah sama di seluruh negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, WAO akan mengadakan kerjasama dengan SWWS untuk mendirikan rumah perlindungan kepada wanita yang kurang bernasib baik di negeri ini.

Beliau yakin pengalaman yang dimiliki oleh WAO dalam mengendalikan rumah perlindungan di Selangor, dan menangani pelbagai masalah wanita dapat membantu SWWS dalam membantu wanita di negeri ini.

"Sebelum ini, segala kegiatan membabitkan wanita sering diadakan di Lembah Klang.

Oleh itu, peluang untuk menganjurkan Hari Wanita di Kuching amat

dialu-

alukan kepada ia memberi peluang kepada kami (WAO) mendapatkan maklumat mengenai aspek perundangan khususnya membabitkan wanita pribumi," katanya.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif Rancangan 3R, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata tujuan Hari Wanita Sedunia diadakan di Kuching ialah untuk mendekatkan diri dengan peminat rancangan itu yang sebahagian besarnya - wanita dan remaja.

"Keganasan terhadap wanita berlaku di mana-mana saja. Oleh itu dengan menganjurkan Hari Wanita Sedunia di Kuching ia dapat menumpukan kepada peminat rancangan 3R mendapatkan maklumat mengenai cara mengelakkan keganasan terhadap wanita.

"Selain itu, pelbagai kegiatan, pameran dan kempen yang diadakan juga dapat membantu wanita yang sedang berhadapan dengan masalah keganasan mendapatkan pertolongan.

"Oleh itu, saya amat berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh NGO dan wanita di negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, kira-kira 5,000 penduduk sekitar Bandaraya Kuching hadir untuk memeriahkan sambutan Hari Wanita Sedunia yang diadakan di Tebingan Kuching.

Turut diadakan ialah konsert yang disertai beberapa artis terkenal seperti Shafinaz, Deja Moss, Hazami dan Elyana.

Salah seorang pengunjung, Betty Mohamad, 49, ketika ditemui berkata, langkah 3R mengadakan sambutan Hari Wanita Sedunia di negeri ini dapat memberi peluang kepada golongan remaja mendapatkan maklumat mengenai pelbagai masalah yang dihadapi oleh wanita.

"Keluarga memainkan tanggungjawab penting dalam membendung masalah yang dihadapi oleh wanita menerusi didikan awal yang diberikan," katanya.

Wan Mahfuzah Wan Mahmud, 19, berkata pameran dan kempen yang diadakan dapat membantu pelajar mendapatkan maklumat dan berkongsi pendapat mengenai masalah yang dihadapi oleh wanita di negara ini.

"Dengan adanya pelbagai program sempena Hari Wanita ini, wanita di Kuching dapat mengetahui hak mereka di sisi undang-undang dan cara mendapatkan pertolongan apabila berhadapan dengan masalah keganasan," katanya.

Bagi Sabrina Malihi, 23, pula sambutan Hari Wanita Sedunia yang diadakan mendedahkan kepada remaja di bandar raya ini mengenai pelbagai kegiatan yang diadakan oleh NGO.

"Saya berharap Hari Wanita Sedunia akan menjadi pemangkin kepada pelbagai kegiatan positif yang akan dianjurkan oleh NGO di negeri ini," katanya.